

**MAJLIS PERASMIAN
KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP UniMAP KE – 7, 2011**

Teks Ucapan

BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

Naib Canselor

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

pada 20 Mac 2011,

di Stadium Utama Negeri, Kangar, Perlis.

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera Dan Salam 1 Malaysia.

Mengadap Raja Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Syed Faizuddin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajuddin Jamalullail, Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Duli Yang Teramat Mulia Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Pro Canselor UniMAP.

Terlebih dahulu patik bagi seluruh warga kerja UniMAP ingin merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga di atas perkenan duli

tuanku berdua bercemar duli berangkat ke majlis perasmian kejohanan olahraga tertutup UniMAP kali ke-7, 2011 ini. Sesungguhnya kehadiran Duli-Duli Tuanku berdua ke majlis ini amat besar ertinya buat kami semua di universiti ini. Keberangkatan Duli-Duli Tuanku berdua amatlah dialu-alukan, Kecil tapak tangan, nyiru kami tadahkan.

Ampun Tuanku, patik memohon izin dan limpah perkenan Tuanku untuk patik memberi sepatah dua kata kepada para hadirin. Ampun Tuanku.

Yang berusaha pengacara majlis,

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Md Isa Sabu, Menteri Besar Perlis dan Yang Berbahagia Datin Seri,

Yang Berhormat Dato' Yazid Mat, Speaker Dewan Undangan Negeri Perlis dan Yang Berbahagia Datin

Yang Berhormat Dato' Azizan Hamid, Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis dan Yang Berbahagia Datin

Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan Ahli-ahli Yang Berhormat serta isteri,

Yang Berbahagia. Prof. Dr Ismail Daut, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) Universiti Malaysia Perlis,

Dekan - dekan dan Ketua Jabatan,

Wakil-wakil media cetak dan elektronik,

Seterusnya hadirin yang saya hormati sekalian.

Selamat Petang, Good Evening, Wan Shang Hao, Malai Vannakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

Terlebih dahulu, dikesempatan ini ingin saya mengalu-alukan kedatangan Yang Amat Berhormat, Menteri Besar Perlis, Dato' Seri Dr. Md Isa Sabu dan Yang Berbahagia Datin Seri kerana telah sudi melapangkan diri, meluangkan sedikit masa untuk hadir ke majlis ini bersama Canselor UniMAP, DYTM Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Pro Canselor UniMAP DYTM Tuanku Hajjah Lailatul Shahreen Akashah. Kehadiran Dato' Seri dan Datin Seri, tuan-tuan dan puan-puan sudah pasti menguntum bahagia, menambahkan seri majlis kami malam ini.

***Mencari rebung, untuk dimakan,
Makan bersama, ikan gelama,
Kedatangan Tuan, kami alukan,
Semoga keberkatan, milik bersama.***

Alhamdulillah, segala puji syukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala, Tuhan pencipta alam Yang Maha Agong, Maha Pengasih dan Maha Penyayang kerana dengan limpah izinNya kita dapat dipertemukan pada majlis malam ini.

Jutaan terima kasih saya titipkan buat Persatuan Olahraga Amatur Negeri Perlis di atas kesudian membantu Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dari segi peralatan dan persiapan teknikal bagi melancarkan seterusnya memastikan kejayaan penganjuran kejohanan ini. Tidak ketinggalan, sekalung penghargaan diberikan kepada pihak sekretariat yang bertungkus-lumus bagi memastikan kelancaran sepanjang kejohanan ini berlangsung. Terima kasih dan semoga ketulusan hati anda akan mendapat ganjaran yang setimpal daripada Allah S.W.T. Amin.

Hadirin sekalian,

Kejohanan sukan olahraga tertutup UniMAP kali ke-7, 2011 ini merupakan kejohanan tahunan yang dianjurkan oleh Universiti

Malaysia Perlis. Untuk pengetahuan semua, antara penyumbang kepada kejayaan penganjuran kejohanan adalah Persatuan Olahraga Amatur Perlis yang banyak memberi bantuan dalam pelbagai aspek antaranya keperluan dan persiapan teknikal. Berikan tepukan yang gemuruh kepada Persatuan Olahraga Amatur Perlis. Semoga kerjasama ini akan lebih utuh dari setahun ke setahun. Saya mendapat makluman bahawa seramai 1700 kakitangan dan 5771 pelajar UniMAP akan mengambil bahagian dalam kejohanan Olahraga Tertutup ini BERBANDING hanya seramai 1309 kakitangan dan 4309 pelajar mengambil bahagian dalam kejohanan yang sama pada tahun lepas (2010). Ini menunjukkan bilangan penyertaan yang sangat baik bagi meningkatkan kemajuan dalam bidang sukan di UniMAP ini. Semangat inilah yang kita kehendaki dan saya harap agar jumlah penyertaan kejohanan sukan olahraga ini akan terus meningkat pada setiap tahun.

Hadirin sekalian,

Tahun ini merupakan tahun ke - 7 bagi UniMAP menganjurkan kejohanan sukan olahraga ini. Sepanjang tujuh kali penganjuran kejohanan ini, UniMAP sebenarnya mempunyai tujuan atau fokusnya yang tersendiri. Tujuan utama penganjuran kejohanan olahraga ini adalah sebagai satu langkah untuk menaik taraf sukan olahraga ke peringkat yang lebih tinggi dan di samping mewujudkan hubungan

yang erat sesama warga UniMAP itu sendiri. UniMAP juga mahu mencungkil dan mengenalpasti bakat-bakat baru dalam sukan olahraga seterusnya mempersiapkan para atlit UniMAP ini untuk menyertai kejohanan besar yang akan datang.

UniMAP akan menghantar kontingen olahraga untuk menyertai kejohanan sukan yang dianjurkan antaranya, sukan MASUM pada bulan Mei ini di UPM Serdang, Sukan Badan-Badan Berkanun yang juga pada bulan Mei di UMT, Terengganu dan Sukan Staf di UTeM, Melaka pada awal Julai nanti. UniMAP berharap untuk melahirkan bukan atlit sukan olahraga semata-mata tetapi atlit sukan olahraga yang kreatif, mahir berfikir, dan berkualiti tinggi serta dapat mewakili pasukan olahraga elit Malaysia. Saya percaya ini secara tidak langsung akan mengharumkan nama UniMAP dan Malaysia khasnya seperti yang dilakukan oleh atlit-atlit kita iaitu Nazmizan Muhammad, Robani Hassan, Mohd Idris Zakaria dan lain-lain lagi. Berikan tepukan yang gemuruh buat mereka semua.

Hadirin sekalian,

UniMAP sememangnya mempunyai ramai kakitangan yang merupakan atlit yang berbakat besar dalam pelbagai bidang sukan. Sengaja saya memberi fokus kepada mereka yang mahir bersukan kerana ini merupakan ‘value added’ mereka selain dari memberi perkhidmatan di

pejabat. Atlit-atlit UniMAP sebenarnya datang dari pelbagai latar belakang pendidikan. Ada di antara mereka adalah golongan pengurusan dan profesional serta tidak kurang juga yang merupakan kakitangan sokongan di UniMAP. Namun ini tidak pernah menjadi halangan kepada mereka untuk bekerjasama demi mengharumkan nama UniMAP di pelbagai peringkat kejohanan dan perkara ini sudah terbukti apabila banyak kemenangan yang telah kita raih melalui mereka ini. Mereka sebenarnya adalah individu yang mempunyai banyak pengetahuan dan luas pengalaman dalam bidang sukan. Perkara ini suka saya tekankan khusus kepada para pelajar UniMAP yang mempunyai kecenderungan dalam bidang sukan.

Jadikanlah atlit-atlit ini sebagai mentor untuk anda menuntut ilmu dalam bidang sukan yang anda minati. Buktiakan bahawa perkongsian ilmu itu adalah berbaloi dengan meraih kemenangan dalam setiap kejohanan yang bakal anda sertai. Pada pemikiran saya, para pelajar UniMAP sangat beruntung kerana anda sewenang-wenangnya dapat berlatih dan memperolehi ilmu hasil kepakaran yang dimiliki oleh individu-individu ini. Sedangkan ramai lagi diluar sana yang ingin mendapat peluang seperti anda tetapi mereka tidak bernasib baik seperti anda yang menjadi ‘keluarga’ UniMAP. Oleh itu, pastikan anda memanfaatkan kesempatan ini dengan sebaik-baiknya.

Saya sebenarnya menyimpan hasrat untuk melihat peningkatan pencapaian para pelajar kita dalam arena sukan antaranya dalam sukan MASUM dan tidak ketinggalan dalam kejohanan besar iaitu Sukan Universiti Asia. Bukan mudah untuk melayakkan diri menyertai kejohanan Sukan Universiti Asia, namun saya percaya jika ada kesungguhan dan keinginan, segala impiankan menjadi kenyataan. Saya yakin kenyataan yang bakal saya utarakan sebentar lagi akan membakar semangat para pelajar yang saya kasihi sekalian. Pelbagai kemudahan dan insentif akan diberikan kepada pelajar yang berjaya meraih kemenangan dalam bidang sukan.

Menurut Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, pihak Kementerian Pengajian Tinggi telah bersetuju menambah peruntukan biasiswa sukan kementerian itu dari RM5 juta kepada RM10 juta tahun 2011 dalam usaha meningkatkan penyertaan mahasiswa dan mahasiswi dalam bidang sukan. Buat masa sekarang, pihak kementerian sedang menaja 391 orang atlet dari institusi pengajian tinggi termasuk 129 orang atlit negara dan pelapis. Dengan penambahan peruntukan tersebut, seramai 100 hingga 150 atlit bakal ditaja. Selain itu, bagi menggalakkan penyertaan para pelajar, pihak kementerian sedang mengkaji untuk mewujudkan skim perlindungan insurans untuk anda. Oleh itu, saya menyeru agar semua pelajar UniMAP mengambil kesempatan ini untuk berusaha sehabis baik dalam sebarang kejohanan sukan bagi menempatkan diri menjadi

antara atlit yang ditaja oleh pihak kementerian Pengajian Tinggi Malaysia kelak. Amin.

Hadirin sekalian,

Dikesempatan ini saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua atlit yang berjaya merangkul pingat pada kejohanan ini. Kepada yang tidak berjaya, saya berharap agar tiada terdetik di hati untuk berputus asa kerana orang yang berputus asa adalah orang yang patah semangat. Bersukan adalah bukan semata-mata untuk menang atau kalah. Apa yang penting adalah semangat kesukaran dan kepentingan menjaga kesihatan itu yang harus diutamakan. Jika tewas pada tahun ini, cuba dan terus mencuba. Saya yakin akan ada rezeki untuk sesiapa yang tidak mengenal putus asa. Oleh itu, jangan sesekali berputus asa. Kuatkan semangat dan tanamkan tekad untuk berjaya di masa akan datang.

Hadirin sekalian,

Rasanya tidak perlu untuk saya bercakap panjang pada petang ini. Harapan yang terbuku dihati saya ini tinggi menggunung untuk melihat kejohanan ini terus dianjurkan dari tahun ke tahun dengan peningkatan kualiti penganjuran yang memberangsangkan. Akhir kata, saya sekali lagi ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua

pegawai-pegawai dan urusetia kejohanan di atas penganjuran Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP kali ke-7, 2011 ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Md Isa Sabu, Menteri Besar Perlis dan Yang Berbahagia Datin Seri kerana sudi hadir ke majlis ini.

***Usaha berterusan, mengharapkan hikmat,
Bagi menggengam, pingat sendiri,
Bukanlah kemenangan, menjadi matlamat,
Bersukanlah demi, kesihatan diri.***

Ampun tuanku,

Sekian sahaja ucapan patik pada malam ini. Akhir kata, patik sekali lagi mewakili seluruh warga UniMAP merafak sembah, menjunjung kasih yang tidak terhingga ke bawah Duli-Duli Tuanku kerana sudi bercemar duli berangkat seterusnya berkenan untuk merasmikan Majlis Perasmian Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP ke-7, 2011 pada malam ini.

Patik sudahi ucapan ini dengan Wabillahi Taufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.